

PM jelas pelbagai isu 13 Februari

Oleh FARIDAH HITAM dan AZNAN BAKAR

KUALA LUMPUR 29 Jan. — Satu perjumpaan khas antara Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan semua pemimpin parti dari seluruh negara akan diadakan pada 13 Februari ini bagi memberi penerangan mengenai pelbagai isu terutama yang melibatkan dasar kerajaan.

Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pertemuan di Pusat Dagangan Dunia Putra itu yang akan turut menghimpunkan pemimpin dari ketiga-tiga sayap parti iaitu Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri, juga akan membolehkan Dr. Mahathir memberi 'arahan khas' kepada ahli-ahli parti.

Abdullah yang menafikan kaitan pertemuan itu dengan pilihan raya umum berkata, Perdana Menteri akan turut menyetujui pelbagai isu lain sama ada dalam atau luar negara serta isu semasa termasuk Sekolah Agama Rakyat (SAR).

"Ini tidak ada kena mengena dengan pilihan raya, ia masa yang sesuai untuk Perdana Menteri memandangkan bulan pertama tahun ini ham-

UM 3.0 JAN 2003
pir berakhir dan banyak isu perlu diterangkan kepada ahli-ahli parti.

"Perdana Menteri juga mungkin akan bagi arahan khas mengenai isu tertentu kepada ahli-ahli (UMNO), ke mana arah tuju kita pada tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin UMNO di sini hari ini.

UMNO juga katanya, akan mengambil kesempatan sempena pertemuan itu untuk menganjurkan Majlis Mengenang Jasa Tunku Abdul Rahman Putra pada malamnya.

Katanya, kesempatan itu diambil sempena bulan Februari yang merupakan hari ulang tahun ke-100 Bapa Kemerdekaan itu yang jatuh pada 8 Februari.

"Kita akan adakan tahilil dan membaca Yasin sebagai mengingati pejuang bangsa dan Bapa Kemerdekaan yang banyak berjasa kepada perjuangan negara," jelasnya.

Sementara itu katanya, mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin UMNO hari ini turut meluluskan penubuhan 39 lagi cawangan UMNO dalam bahagian-bahagian.

"Jawatankuasa bersejua untuk cadangkan kepada Majlis Tertinggi supaya (penubuhan cawangan itu) diluluskan," katanya.

Pada masa yang sama, kata beliau, pemimpin UMNO di semua peringkat terutama cawangan dan bahagian diminta supaya mula menggerakkan jentera pilihan raya masing-masing.

"Kita nak pastikan kerja-kerja peringkat bahagian dan cawangan yang berhubung dengan pilihan raya yang memang sudah berjalan sekarang ini serta jentera berkaitan dengan penerangan terus dijalankan," katanya.

Ketika diminta mengulas kebimbangan Dr. Mahathir mengenai kemungkinan perbalahan dalam UMNO, Abdullah berkata, ia bukan sesuatu yang serius dan boleh ditangani.

"Ia bukan suatu yang kita tidak boleh tangani, selagi kita sedar sesuatu perlu dilakukan ia tidak akan melarat sehingga menjejaskan parti.

"Seingat saya, sejak menjadi ahli (UMNO) pada tahun 1965, perkara seperti ini berlaku ia sebahagian daripada demokrasi," katanya.

Semasa ditemu ramah oleh *Asian Wall Street*

Journal yang disiarkan melalui *CNBC TV* malam tadi, Dr. Mahathir berkata, beliau bimbang perbalahan di kalangan ahli UMNO boleh menyebabkan parti kehilangan sokongan dan bukannya kerana parti pembangkang kuat.

Dalam UMNO, kata Abulah lagi, terdapat satu tradisi yang kukuh iaitu mematuhi keputusan majoriti dan menghormati keputusan pemimpin.

Ditanya sama ada wujud berpuak-puak dalam UMNO, Abdullah berkata, soal itu hanya cakap-cakap orang yang mahu melihat UMNO kelimababut.

Katanya, UMNO sebagai sebuah parti besar dan berpengaruh tentu menimbulkan minat kumpulan lain untuk mengetahui perkembangan dalam parti itu termasuk apa yang akan dan telah dilakukannya.

"Ia menimbulkan pelbagai spekulasi, tetapi yang penting UMNO mesti tenang dan mesti sentiasa memusatkan perhatiannya tentang apa yang perlu kita jalankan untuk menghadapi apa sahaja dalam hal ini pilihan raya," ujar beliau.